

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1. Pengenalan

Metodologi kajian merupakan hal yang sangat penting dalam melakukan penyelidikan. Hasil kajian yang diperolehi juga sangat bergantung kepada metodologi yang digunapakai dalam sebuah kajian. Tanpa metodologi kajian yang jelas, data yang diperolehi akan dipersoalkan dan kesimpulan kajian juga boleh diragukan.

Oleh kerana itu, dalam bahagian ini akan menghuraikan tentang metodologi, kaedah pengumpulan data, serta kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini. Hal ini dilakukan untuk membentuk metodologi yang baik, sehingga menghasilkan kajian yang berkualiti.

3.2. Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini secara umumnya merupakan kajian kualitatif. Sifat dari kajian ini adalah teoritikal dan praktikal serta deskriptif analisis, iaitu menggambarkan secara tepat sifat-sifat suatu individu, keadaan atau gejala-gejala tertentu dan hubungan antara gejala tersebut.¹ Penyelidikan ini juga dapat digolongkan kepada penyelidikan kepustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*), kerana sumber datanya diperolehi dari sumber perpustakaan dan lapangan.

¹ Koentjaraningrat, *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, cet. 11 (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 1991), 29.

3.2.1. Kajian Perpustakaan

Sebelum penulis melakukan kajian lapangan, penulis akan melakukan kajian perpustakaan terlebih dahulu. Kajian perpustakaan bertujuan untuk mengukuh dan menjelaskan tentang etika perniagaan dalam Islam. Dalam hal ini, penulis akan mengkaji dan menganalisis buku-buku, jurnal, artikel dan pelbagai jenis sumber *literature* lainnya yang berkaitan dengan kajian.

Dalam mendapatkan data kajian perpustakaan, penulis menggunakan khidmat beberapa perpustakaan yang ada di Malaysia, seperti perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba dan Perpustakaan Negara serta beberapa Perpustakaan lainnya untuk menyokong kajian penulis.

3.2.2. Kajian Lapangan

Dalam mendapatkan data di lapangan, penulis menggunakan kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual dan observasi.

Temu bual dan observasi dilakukan ke atas sekumpulan peniaga terpilih yang dijadikan sebagai sampel penyelidikan dari jumlah Populasi peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, hal ini kerana besarnya jumlah populasi yang ada dan terhadapnya kemampuan penulis .

Populasi adalah sekumpulan individu, keluarga, kumpulan, organisasi, komuniti, peristiwa atau apa sahaja yang hendak dikaji oleh penulis.² Dalam kumpulan populasi yang besar, penulis tidak mungkin dapat menemui setiap individu. Populasi dalam penulisan ini adalah masyarakat Aceh yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan termasuk sebagai peniaga.

Menurut data yang penulis dapatkan bahawa jumlah masyarakat Aceh yang menetap di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berjumlah sekitar 3700 orang, namun masyarakat Aceh yang berniaga di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berjumlah sekitar 327 orang.³ Dari jumlah peniaga ini, penulis memilih sampel yang dapat dianggap mewakili dan berkecukupan.⁴ Hal ini dilakukan untuk menggambarkan jumlah populasi yang ada. Seramai 8 orang peniaga Aceh telah dipilih sebagai sampel mengikut jenis perniagaan yang diusahakan masing-masing. Penulis mengambil 8 orang responden kerana dengan ianya dapat mewakili populasi kajian ini. 8 responden tersebut telah dipilih mengikut sektor perniagaan yang berbeza. Dari sektor perniagaan kosmetik penulis memilih 2 responden, iaitu peniaga di kawasan Chow Kit, dari sektor perniagaan runcit penulis pilih 2 responden iaitu peniaga di kawasan Datuk Keramat, dari sektor perniagaan restoran, penulis telah memilih 1 responden, iaitu peniaga di kawasan Kg Pandan Indah, dari sektor perniagaan pakaian dan aksesori penulis pilih 1 responden iaitu peniaga di kawasan Kg Pandan Indah, dari sektor perniagaan pasar mini penulis pilih 1 responden yang menjalankan peniagaannya di kawasan pasar Chow Kit, dan dari sektor perniagaan buah-buahan penulis pilih 1 responden yang berniaga di kawasan pasar Chow Kit. Dengan demikian, pengambilan sampel tersebut dapat

²*Ibid*, 117.

³Senarai nama-nama pedagang Aceh dalam senarai Dewan Peniaga Aceh Kuala Lumpur.

⁴Sabhita Marican, *Penyelidikan Sains Sosial, Pendekatan Praktikal* (Selangor: Edusystem Sdn. Bhd, 2006), 117.

mewakili populasi kajian dan semua kawasan tersebut masih dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Jenis pensampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah pensampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) iaitu memilih satu unsur secara sengaja daripada unsur-unsur pertama dalam satu rangka persampelan dengan sengaja atau mempunyai kriteria yang telah ditetapkan.⁵ Dalam pensampelan bertujuan, penulis menggunakan senarai nama-nama peniaga daripada DPAM dan memilih responden yang mewakili bidang perniagaan yang terdapat di Chow Kit, Kg Pandan Indah, dan Datuk Keramat iaitu bidang kosmetik/kecantikan, runcit, pakaian dan aksesori, restoran, pasar mini, dan buah-buahan. Hal ini dilakukan supaya sampel yang diambil dapat mewakili populasi. Pengambilan sampel bertujuan, adalah metode berasaskan kemahuan penulis yang berpedoman kepada sumber yang telah ada daripada Dewan Perdagangan Aceh Malaysia (DPAM).

3.2.2.1 Temu bual

Temu bual atau yang dikenal dengan istilah *interview* adalah suatu proses interaksi dan komunikasi dari dua orang atau lebih (subjek dan objek).⁶ Metode ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat dengan bertanya langsung kepada responden. Definisi yang hampir sama disampaikan oleh Sabitha Marican, iaitu satu situasi di mana penemu bual akan bertanya soalan pada seseorang atau lebih responden secara bersemuka.⁷

⁵ Ahmad Mahdzan Ayop (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*, c 2, Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 115. Lihat juga Syed Arabi Idid (1998), *Kaedah penyelidikan Komunikasi dan Sains*, Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 61-62.

⁶ Masri Singarimbun dan Sofyan Efendi (ed), *Metode Penelitian Survei* (Jakarta: LP3ES, 1995), 70.

⁷ Sabitha Marican, "Penyelidikan Sains Sosial," 141.

Secara umum, temu bual dapat dilakukan dalam dua bentuk, iaitu temu bual tidak berstruktur dan temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur adalah temu bual yang dilakukan hanya bersumber kepada garis-garis besar permasalahan yang akan ditanyakan. Manakala temu bual berstruktur adalah temu bual yang soalan-soalannya telah disusun secara terperinci sebelum ianya dilangsungkan.⁸ Temu bual telah dilakukan daripada 26 Ogos – 9 September 2013 dan mengambil masa lebih kurang 1 hingga 2 jam bagi setiap responden.

Adapun metode temu bual yang penulis lakukan dalam penyelidikan ini ialah temu bual berstruktur dan tidak berstruktur di mana penulis mengunjungi tempat kajian, iaitu peniaga Aceh yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan presiden DPAM yang akan menjadi responden dalam kajian ini dan menanyakan soalan yang telah disediakan untuk menjawab objektif kajian ini. Alasan penulis mengambil sampel daripada presiden DPAM adalah kerana presiden DPAM dianggap dapat mendapatkan data yang sah dan boleh menguatkan data dapatan temu bual daripada peniaga Aceh.

Senarai soalan telah disediakan terlebih dahulu, dan ketika proses temubual dijalankan, soalan-soalan berkaitan isu berbangkit bila dianggap perlu, penulis akan menanyakan secara serta merta kepada responden. Dalam hal ini, seramai 8 peniaga dari beberapa jenis perniagaan yang dijalankan telah ditemu bual, sama ada peniaga jamu dan kosmetik, restoran, peniaga buah-buahan, pasar mini dan peniaga aksesori wanita.

Penulis memilih 8 responden untuk menjadi sampel yang mewakili dari jumlah perniagaan Aceh kerana sesuai dengan tajuk tesis iaitu kajian terhadap peniaga Aceh terpilih dan memilih mereka kerana sudah lama berniaga dalam sektor masing-masing, dan penulis memilih 3 kawasan iaitu Chow kit, Kg Pandan Indah dan Datuk Keramat

⁸*Ibid.*, 144.

kerana ketiga kawasan tersebut merupakan kawasan yang banyak peniaga Aceh yang menjalankan perniagaan mereka. Oleh demikian sangat sesuai penulis memilih kawasan tersebut untuk sebagai tempat kajian, manakala alasan lain adalah kerana di kawasan tersebut terdapat semua sektor perniagaan.

Adapun proses temu bual yang penulis lakukan iaitu penulis akan menanyakan beberapa soalan yang berhubung kait dengan kajian. Soalan-soalan yang ditanyakan adalah berkenaan dengan peniaga itu sendiri, seperti jantina, sudah berapa lama melaksanakan aktiviti perniagaan. Soalan yang ditanyakan juga berkaitan dengan kefahaman mereka tentang konsep etika perniagaan, amalan etika dengan pelanggan, amalan etika dengan pekerja, dan amalan etika dengan pembekal. Semua soalan yang ditanyakan berjumlah 77 soalan untuk peniaga Aceh dan 21 soalan untuk presiden DPAM. Dari jawapan yang diberikan akan dapat disimpulkan mengenai kesesuaian antara kefahaman dan amalan perniagaan yang dijalankan dengan etika perniagaan dalam Islam. Semua pertanyaan ada disenarai lampiran.

Dalam temu bual dengan presiden DPAM pula, penulis menanyakan tentang data peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan beberapa soalan berkaitan dengan aktiviti DPAM dalam menaungi dan memberikan kefahaman berkenaan etika perniagaan dalam Islam bagi peniaga Aceh yang menjalankan aktiviti perniagaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.2.2.2 Observasi

Observasi adalah satu cara pengumpulan data tanpa melibatkan komunikasi secara langsung dengan responden. Dengan kata lain, observasi adalah pengumpulan data tanpa bertanya kepada responden. Observasi yang dilakukan oleh penulis adalah

dengan cara memperhatikan etika yang diamalkan oleh peniaga Aceh ketika berinteraksi dengan pelanggan dan barangan yang diperdagangkan, sama ada peniaga menjual barang elok ataupun barangan tersebut sudah tamat tempoh atau dari segi barang yang dicampur di antara barang yang tulen dengan barang yang tidak tulen atau yang elok dengan barang yang tidak elok. Kajian observasi dianggap perlu dilakukan kerana penulis ingin mendapatkan pandangan mengenai perilaku peniaga Aceh ketika berhadapan dengan pelanggan dan memperhatikan barangan yang diperjualbelikan.⁹

Kelebihan observasi adalah penulis boleh mendapatkan data yang tidak penulis perolehi daripada temu bual. Ada beberapa data yang tidak responden nyatakan boleh didapatkan dengan cara observasi di tempat perniagaan. Data yang didapatkan akan direkodkan oleh penulis untuk dianalisis dengan data temu bual.

Penulis mengadakan kaedah observasi secara langsung (*Participant Observation*) mengenai amalan etika perniagaan Islam terhadap masyarakat Aceh yang berniaga di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dari hasil observasi tersebut penulis membuat sebuah kesimpulan tentang etika perniagaan Islam di kalangan peniaga Aceh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Observasi ini dilakukan sebelum sesi temu bual dengan peniaga Aceh, dalam masa 1 jam hingga 3 jam, dan selepas melakukan temu bual, penulis akan memohon kebenaran untuk melihat premis tersebut untuk melanjutkan observasi.

Observasi yang direkodkan adalah pergerakan peniaga dalam melayani pelanggan, tabiat peniaga dalam berkerja, cara melayani pelanggan, barangan yang dijual, dan hal-hal lain yang penulis anggap perlu untuk direkodkan. Hasil dapatan daripada observasi tersebut direkodkan dengan melakukan catatan yang dapat

⁹*Ibid.*, 151.

menyokong dapatan dalam kajian ini. Hasil dari observasi terdapat kebanyakan responden mengikut etika perniagaan Islam, walaupun demikian ada juga yang tidak mengikut konsep etika perniagaan Islam.

3.3. Kaedah Analisis Data

Data sekunder dalam kajian ini setelah terkumpul sebagaimana diperlukan akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dengan membahagikan data-data tersebut kepada tema-tema tertentu mengikut kesesuaian dengan perbincangan etika perniagaan dalam Islam. Tema-tema tersebut berupa konsep etika, konsep perniagaan dalam Islam dan konsep etika perniagaan dalam Islam.

Adapun data primer, berupa data-data dan maklumat mengenai amalan etika perniagaan Islam, dikumpul melalui kajian lapangan sebagaimana yang diperlukan, sama ada melalui temu bual mahupun observasi, maka selanjutnya data dan maklumat tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kualitatif.¹⁰

Kaedah analisis kualitatif digunakan oleh penyelidik adalah dengan menganalisis corak amalan etika perniagaan Islam yang diamalkan oleh peniaga Aceh. Pada kaedah analisis kualitatif penulis akan memberikan kod pada hasil temu bual dengan responden dan menganalisis satu persatu data observasi yang telah dicatat dan mengambil isi-isi yang penulis anggap penting, kemudian akan menyusun hasil daripada kod tersebut dengan menerangkan dalam bentuk huraian yang lebih sederhana untuk dimasukkan dalam hasil kajian ini.¹¹

¹⁰ Sabhita Marican, "Penyelidikan Sains Sosial," 215.

¹¹ *Ibid.*, 217.

Data yang telah dikumpulkan daripada kajian temu bual dan observasi diberikan kod untuk setiap jawapan yang diberikan oleh responden. Setelah itu, jawapan yang telah diberi kod akan dihuraikan menjadi ayat yang mudah difahami untuk dipaparkan dalam hasil atau dapatan kajian.¹² Tahapan analisis data yang dilakukan adalah pembersihan data, memahami data, dan penghasilan kategori atau konsep.

i- Pembersihan Data

Sebagai langkah pertama dalam prosedur pembersihan data, penulis menyalinkan semua rakaman audio yang mengadungi temu bual dengan responden dan semua catatan baik dari temu bual maupun catatan observasi, untuk menjadikan transkrip, kemudian setiap transkrip akan dibuat indek. Pengindeksan dilakukan dengan menetapkan satu kod kepada setiap responden yang telah ditemu bual. Penetapan kod bagi setiap transkrip dan setiap segmen di dalam transkrip adalah penting untuk memudahkan proses mendapatkan semula data asal.¹³ Data yang telah dikumpulkan daripada kajian temu bual akan diberikan kod untuk setiap jawapan yang ditelaah dijawab oleh responden.

ii- Memahami Data

Langkah yang kedua adalah memahami data yang telah penulis kumpul dan kodkan, dengan cara membaca transkrip beberapa kali, serta penulis menyediakan soalan penyelidikan utama.¹⁴

¹² Dalam hasil kajian, penulis memetik beberapa petikan daripada data temu bual. Petikan dari bahan tersebut telah diubah kepada bahasa Malaysia.

¹³ Marohaini Yusuf, *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (Penerbit: Universiti Malaya, 2013), 139.

¹⁴ *Ibid.*, 141

iii- Penghasilan Kategori dan Konsep

Untuk menjadikan maklumat daripada tema-tema yang berlainan penulis mendapati bahawa dengan cara mengkategorikan data berdasarkan beberapa kategori tertentu adalah sangat berguna.¹⁵ Kemudian setelah semua data ditranskripkan dan dikodkan, penulis akan menghuraikan dalam huraian yang senang difahami yang akan dipaparkan dalam hasil kajian mengikut tema-tema tertentu.

Adapun tema-tema tersebut berupa sejarah perkembangan peniaga Aceh di wilayah persekutuan Kuala Lumpur, pertubuhan Dewan Perniagaan Aceh Malaysia, Profil responden dan kefahaman mereka terhadap etika perniagaan Islam, amalan etika perniagaan oleh peniaga Aceh dan bentuk-bentuk amalan perniagaan yang bertentangan dengan etika perniagaan dalam perspektif Islam serta sebab berlakunya kesalahan di kalangan peniaga Aceh.

3.4. Kesimpulan

Penyelidikan ini adalah gabungan dari penyelidikan perpustakaan (*library research*) dan lapangan (*field research*), di mana dalam penyelidikan lapangan penyelidik akan melakukan temu bual dan observasi untuk mendapatkan data yang tepat yang berhubung kait dengan perbincangan dalam kajian penyelidikan ini.

Kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah analisis kandungan yang dipecahkan mengikut tema-tema tertentu.

¹⁵*Ibid.*, 143.